

## Jalinan Kepustakawanan



# Majlis

## Ketua Pustakawan Universiti Awam

Isnin, 15 Feb 2016 - Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) telah menjadi tuan rumah kepada Majlis Ketua Pustakawan Universiti Awam 2016.

Majlis yang pertama kali diadakan pada tahun ini berlangsung di Bilik Mesyuarat PTAR Utama. Mesyuarat ini disertai oleh seramai 20 orang Ketua Pustakawan yang merupakan wakil dari Universiti Awam di seluruh Malaysia.



## SIDANG REDAKSI

**Penasihat**  
En. Noor Hidayat Adnan

**Editor**  
Pn. Roslina Mohamad Ali

**Pengurus Produksi**  
Pn. Hajah Wan Norizan Wan Mansor

**Grafik**  
Pn. Ain Nur Munirah Abdullah  
En. Zawawi Hussain

**Wartawan**  
En. Mohd Hazrul Mohd Hussin

**Foto**  
Pn. Rostinah Mujir

**Idea, Konsep dan Terbitan Bahagian Penerbitan, PTAR**



# Penandaarasan

## PTAR ke Perpustakaan Universiti Teknologi Petronas (IRC)



**Tronoh, Perak** - Perpustakaan Kejuruteraan Tun Abdul Razak (PKEJ) telah menganjurkan lawatan penandaarasan ke Perpustakaan Universiti Teknologi Petronas, Seri Iskandar, Perak pada 29 Februari 2016. Seramai 25 orang staf dari seluruh jabatan di PTAR turut menyertai lawatan kali ini. Tujuan lawatan adalah untuk membuat penandaarasan ke perpustakaan luar dalam merealisasikan perkhidmatan yang berprestasi tinggi.

Sepanjang lawatan, peserta telah diberikan taklimat mengenai perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan di Perpustakaan UTP yang telah ditubuhkan pada tahun 1997 di Bandar Seri Iskandar, Perak. Perpustakaan ini dikenali sebagai IRC (*Information Resources Centre*) dalam kalangan penggunaannya. IRC bertujuan untuk menyediakan bahan/ sumber

atau pengetahuan yang mencukupi dan *up-to-date* bagi menampung permintaan yang semakin meningkat mengikut tahap serta keperluan pengguna samada sumber maklumat penyelidikan dan pembelajaran untuk pengguna UTP. IRC juga, dilengkapi dengan Sistem Perpustakaan Bersepadu dikenali sebagai Sierra, yang membolehkan pengguna meneroka bukan sahaja sumber di IRC tetapi juga dari semua Pusat Sumber PETRONAS di seluruh Malaysia.

Hasil dari lawatan ini peserta telah meninjau perkhidmatan dan aktiviti terkini yang disediakan oleh pihak IRC khususnya dalam bidang kejuruteraan. Di samping dapat berkongsi pengalaman dan pengetahuan mengenai perkembangan terkini dalam bidang perpustakaan dan maklumat, ia juga sebagai satu cara menambah ilmu dan mengeratkan hubungan silaturrahim antara institusi dalam rangkaian perpustakaan Akademik.



Kedua-dua pihak Universiti mengabadikan kenangan bersama



Staff PTAR sedang mendengar taklimat yang diberikan oleh pegawai dari Universiti Teknologi Petronas



# Penandaarasan Ke Perpustakaan Negara Malaysia



**Kuala Lumpur - 23 Feb, 2016,** Jabatan Pembangunan Bahan Perpustakaan (JPBP) telah mengadakan penandaarasan ke Perpustakaan Negara Malaysia (PNM). Lawatan ini disertai oleh 23 orang staf JPBP dan Pustakawan Katalog Perpustakaan Fakulti, Puncak Perdana, Puncak Alam dan Pustakawan Katalog Kuala Pilah. Turut hadir ialah Puan Faridah Talib, Ketua Timbalan Pustakawan, Perpustakaan Puncak Alam.

Tujuan lawatan adalah bagi mempelajari dan berkongsi maklumat dengan lebih mendalam mengenai standard pengkatalogan *Resource Description & Access (RDA)* yang telah dipraktikkan oleh PNM.

Objektif bagi lawatan kerja ini ialah :

1. Memberikan pendedahan kepada staf bagi memahami konsep RDA yang telah dipraktikkan di PNM.
2. Melihat penggunaan sistem RDA yang digunapakai di PNM.
3. Perkongsian maklumat dan informasi mengenai penetapan baru pengkatalogan *Resource Description and Access (RDA)*.
4. Mempelajari proses pengkatalogan RDA bagi bahan sumber digital dan atas talian.
5. Mengadaptasi amalan terbaik perpustakaan lain yang bersesuaian dengan Perpustakaan UiTM bagi mencapai kecemerlangan berterusan.

Sesi taklimat lawatan telah disampaikan oleh Puan Fadhilah Aini Binti Md Yusof, Timbalan Pengarah Kanan Pusat Bibliografi Negara PNM. Manakala taklimat Pengalaman Pelaksanaan RDA Di PNM disampaikan oleh Puan Siti Manoriah, Pustakawan Kanan, Pusat Penyerahan Terbitan Negara (PPTN).

PNM selaku peneraju perkhidmatan maklumat Negara merupakan perpustakaan yang kelapan di dunia melaksanakan sistem RDA dan merupakan penyelaras bagi standard RDA di Malaysia. Sehubungan itu, PNM juga telah menerbitkan Buku Panduan Standard Pengkatalogan Kebangsaan (RDA) yang merupakan standard baru pendokumentasian RDA bagi Perpustakaan di Malaysia.

Lawatan ke Pusat Bibliografi Negara PNM dan sesi perkongsian maklumat pengkatalogan RDA telah memberikan banyak pendedahan dan pengetahuan baru kepada pustakawan katalog dalam pengurusan projek pelaksanaan RDA, membangunkan standard dan polisi pengkatalogan mengikut RDA serta keperluan LMS (*Library System Management*). Ia juga memberikan impak dan pengalaman yang berguna kepada Perpustakaan UiTM yang kini dalam proses penggunaan standard pengkatalogan RDA ke seluruh Perpustakaan UiTM di Malaysia.

PANDUAN  
**R | D | A**  
RESOURCE DESCRIPTION & ACCESS  
MALAYSIA



*“RDA merupakan singkatan bagi Resource Description and Access. Ia merupakan peraturan standard baru antarabangsa bagi pengkatalogan yang menggantikan Anglo-American Cataloguing Rules 2nd edition (AACR2). RDA merupakan alat pengkatalogan (cataloguing tools) atas talian bagi memenuhi keperluan dunia digital masakini kerana AACR tidak lagi dapat menampung keperluan bahan digital masakini. Semua perpustakaan di Malaysia telah disarankan oleh Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) untuk mengaplikasi penggunaan RDA bagi memastikan rekod pengkatalogan adalah selari dengan keperluan standard antarabangsa.”*



# PENGURUSAN PTAR KE PERPUSTAKAAN UITM KAMPUS DENGKIL

Kunjungan Hormat

22 Februari 2016 - Pihak Pengurusan Kanan PTAR yang diketuai oleh Ketua Pustakawan telah mengadakan lawatan rasmi ke Perpustakaan UiTM Kampus Dengkil.

Lawatan kerja ini merupakan siri pertama oleh Ketua Pustakawan UiTM, Encik Noor Hidayat Adnan, dalam siri kunjungan ke Perpustakaan UiTM seluruh negara pada tahun 2016.

Taklimat dan penerangan telah disampaikan oleh Puan Nur Azian Azis, Ketua Perpustakaan Kampus Dengkil.



## Delegasi Pelajar Antarabangsa Momoyama Gakuin, University ke PTAR

25 Februari 2016 - Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) telah menerima lawatan 9 orang pelajar dari Momoyama Gakuin St. Andrews University, Jepun pada jam 3 petang.

Para pelajar tersebut terlibat dengan Program Pertukaran Jaringan Antarabangsa antara Jepun dan Malaysia selama 3 bulan yang telah ditempatkan di University College Sedaya International (UCSI).

Tujuan lawatan ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan kepada pelajar dari Momoyama Gakuin University, Jepun mengenai perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan di PTAR, UiTM disamping memberi galakan kepada pelajar-pelajar tersebut untuk menggunakan perpustakaan sebagai tempat untuk mencari maklumat bagi tujuan pembelajaran.

## Universitas Sebelas Maret, Indonesia ke PTAR

10 Februari 2016, Shah Alam - Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) telah dikunjungi oleh pelawat dari Indonesia. Lawatan yang merupakan lawatan sambil belajar ini dihadiri oleh 8 orang pelajar dari Indonesia dan 4 orang pengiring dari UiTM.

Rombongan lawatan tersebut tiba pada jam 3.30 petang dan disambut oleh Encik Mohd Hazrul Hussin yang merupakan pustakawan kanan dari Bahagian Perhubungan Korporat PTAR.

Lawatan tersebut adalah dari "Indonesia - Malaysia Cooperative Conference" yang merupakan kerjasama antara Jawatankuasa Universiti Teknologi Mara (UiTM) kampus Shah Alam dengan Koperasi Mahasiswa (KOPMA), Universitas Sebelas Maret (UNS), Surakarta, Indonesia.



Sesi bergambar beramai-ramai selepas lawatan



Pelajar tekun mendengar penerangan yang sedang disampaikan



Pelajar dari Universitas Sebelas Maret mengabadikan kenangan bersama Encik Mohd Hazrul Hussin di hadapan Galeri Permata PTAR



## Penyerahan Bahan Hadiah kepada SMS Tengku Muhammad Faris Petra

Shah Alam, 5 Februari 2016 - Unit Hadiah dan Penerimaan Tetap, Perpustakaan Tun Abdul Razak telah melakukan penyerahan bahan hadiah kepada Sekolah Menengah Sains Tengku Muhammad Faris Petra, Pengkalan Chepa Kelantan. Bahan Hadiah yang terdiri daripada buku-buku ini telah disampaikan oleh Puan Baimah Bujang (Timbalan Ketua Pustakawan), selaku Ketua Bahagian Bahagian Pembangunan Sumber Bercetak kepada wakil dari Sekolah Menengah Sains Tengku Muhammad Faris Petra.



Wakil dari PTAR bergambar kenangan bersama delegasi dari Sekolah Menengah Sains Tengku Muhammad Faris Petra

## Kursus Microsoft Excel Intermediate di PTAR

Shah Alam - Bahagian Pengurusan Sistem Perpustakaan dan Bahagian Pembangunan Modal Insan PTAR telah menganjurkan Kursus Asas Microsoft Excel (Intermediate) di Pusat IT, Perpustakaan Tun Abdul Razak. Kursus yang berlangsung selama dua hari bermula dari 23 Februari hingga 24 Februari 2016 ini dihadiri oleh seramai 30 orang peserta. Penceramah kursus adalah Encik Mohd Khanafi Haron dari Jabatan Infostruktur UiTM.

Tujuan kursus ini adalah untuk membantu staf Pengurusan & Profesional PTAR dalam penggunaan fungsi-fungsi yang terdapat di dalam Microsoft Excel, pembuatan grafik, pengolahan data serta pengurusan lejar dan data.



Encik Mohd Khanafi Haron sedang memberikan tunjuk ajar kepada para peserta



Sebahagian dari peserta kursus microsoft excel yang hadir

## Diari PTAR Februari 2016

Bengkel Penulisan Buku PS Perpustakaan UiTM 2016-2020	01/02 - 02/02/2016
Penyerahan Bahan Hadiah Kepada SMS Tengku Muhamad Faris Petra	05/02/2016
Penandaarasan Universitas Sebelas Maret, Indonesia ke PTAR	10/02/2016
Majlis Ketua Pustakawan Universiti Awam	15/02/2016
Library Outreach Program	19/02/2016
Penandaarasan Pengurusan PTAR ke UiTM Kampus Dengkil	22/02/2016
Kursus Patent Novelty Search Siri II	23/02/2016
Kursus Microsoft Excel Intermediate	23/02/2016 - 24/02/2016
Penandaarasan Pelajar Momoyama Gakuin University, Jepun ke PTAR	25/02/2016
Tazkirah Bulan Februari : Kaedah Perubatan Islam	26/02/2016
Penandaarasan PTAR ke Perpustakaan Universiti Teknologi Petronas	29/02/2016